

Sindiket tumpas selepas Aksem serbu dua lokasi simpanan di Pasir Mas, Tumpat

Gagal seludup 201 kampil beras

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

KOTA BHARU - Cubaan menyeludup sebanyak 201 kampil beras siam dan 60 bungkusan pelbagai jenis mercun bernilai lebih RM100,000 berjaya dipatahkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) Kelantan dalam dua serbuan berasingan di Pasir Mas dan Tumpat semalam.

Komander Aksem, Mohd. Asri Yahya berkata, pada serbuan pertama, Aksem Rantau Panjang telah menyerbu sebuah stor simpanan lama yang dijadikan transit yang terletak di Kampung Banggol Setol, Pasir Mas kira-kira pukul 1 pagi.

Katanya, sindiket penye-

ludupan terbabit menggunakan rumah berkenaan untuk meletakkan barangan sebelum mengambilnya semula untuk dibungkus di lokasi lain.

"Hasil pemeriksaan lanjut, pihak kami menjumpai sebanyak 201 kampil beras siam gred A seberat 10,050 kilogram yang dianggarkan bernilai RM60,300 di dalam stor terbabit.

"Kita percaya beras terbabit diseludup masuk dari Thailand dan akan diedarkan di pasaran sekitar Kelantan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Beliau berkata, pada serbuan kedua pula, pihaknya telah menemui 60 bungkusan berisi pelbagai jenis mercun yang juga

diseludup dari Thailand.

"Aksem Rantau Panjang telah menyerbu sebuah rumah yang tidak berpenghuni di Kampung Tegayong, Tumpat pada pukul 3 pagi. Kita percaya mercun dianggarkan bernilai RM41,600 diseludup melalui pangkalan haram untuk pasaran luar Kelantan sempena sambutan Krismas dan Tahun Baru Cina yang bakal tiba tidak lama lagi," jelasnya.

Tambahnya, kes tersebut akan diserahkan kepada Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Industri Asas Tani negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan untuk tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



MOHD. ASRI (kanan) menunjukkan beras yang dirampas oleh pihaknya dalam serbuan di Kampung Banggol Setol, Pasir Mas semalam.